

NO. SOALAN : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI  
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) bilakah kali terakhir kerja pembersihan pemindahan tapak warisan 'Kota Bukit Supai' Kuala Linggi oleh Kementerian dilaksanakan; dan
- (b) apakah latar belakang sejarah mengenai 'Kota Bukit Supai' ini dan bagaimanakah ia boleh dijadikan salah satu tapak warisan yang dapat menarik pelancong.

33

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara pernah menyelenggara kerja pembersihan 'Kota Bukit Supai' Kuala Linggi mulai tahun 2008 sehingga 2010. Walau bagaimanapun, usaha ini telah diteruskan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pembersihan termasuk kerja pembersihan kawasan, gerai Medan Ikan Bakar dan pembersihan tandas. Usaha ini adalah selaras dengan seksyen 42, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), yang menyatakan pemunya tapak hendaklah menjaga tapak warisan dalam keadaan baik. Sebagai makluman, tapak ini telah diwartakan sebagai Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] untuk tujuan perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut sejarah, Kota Bukit Supai yang lokasinya di muara Sungai Linggi, bersempadan dengan daerah Masjid Tanah (Melaka) dan Linggi (Negeri Sembilan) adalah tempat yang menandakan tamatnya persengketaan antara Bugis dan Belanda. Sebagai simbolik kepada pendamaian tersebut, sebuah kota didirikan yang dikenali sebagai Kota Filipina [mengambil sempena nama anak perempuan Jacob Mossel, Gabenor General Belanda di Batavia (Djakarta)].

Perjanjian telah dimeterai antara kedua pihak di kota ini pada 1 Januari 1758. Hasil dari perjanjian ini, Belanda diberi hak menguasai kawasan Linggi dan perdagangan bijih timah Linggi - Rembau. Sungai Linggi merupakan laluan utama ketika itu untuk ke pedalaman Negeri Sembilan dan pengeluaran bijih timah. Apabila hasil bijih timah berkurangan, kota ini tidak digunakan lagi kerana tidak mempunyai kepentingan kepada kedua-dua pihak.

Tapak ini berpotensi untuk menarik pelancong kerana kepentingan sejarah tapak yang dapat dijadikan warisan untuk tatapan generasi akan datang. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan agensi yang berkaitan dengan menyediakan kemudahan infrastuktur seperti pembinaan jambatan yang menyambungkan antara Melaka dan Negeri Sembilan, Medan Ikan Bakar, *chalet*, tempat memancing dan sebagainya boleh menyumbang kepada tarikan pelancong ke tapak ini.

Selain itu, promosi tapak ini melalui media sosial seperti dalam laman sesawang Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), hebahan kepada operator pelancongan dengan kerjasama Pejabat Pelancongan Negeri Melaka dan mengadakan aktiviti seperti Karnival Jejak Warisan 2015 yang pernah diadakan oleh pihak Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA) adalah juga antara usaha untuk menarik pelancong ke tapak warisan ini.

Sekian, terima kasih.